

DARUL HANAN PULAU PINANG**ANGGARAN KOS**

Alamat	:	DARUL HANAN PULAU PINANG, LOT 2695, MUKIM 6, PONGSU SERIBU, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG
Jenis Bangunan	:	BANGUNAN 1 TINGKAT

BIL.	PERKARA	MASA	PENGAWAL KESELAMATAN	JAM	KADAR (RM) /JAM	Jumlah (RM)	
	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI DARUL HANAN PULAU PINANG, 13200 PONGSU SERIBU, KEPALA BATAS Sila lihat Lampiran A	7.30 pagi - 7.30 petang	1	12	(termasuk 6% cukai perkhidmatan)		
		7.30 petang - 7.30 pagi	1	12	(termasuk 6% cukai perkhidmatan)		
JUMLAH SEHARI (Kadar RM/Jam) x (12) x (Jum. Pengawal Keselamatan)							
JUMLAH TAWARAN SEBUT HARGA SEBULAN							
JUMLAH KESELURUHAN TAWARAN SEBUT HARGA (1 TAHUN)							

Saya / kami dengan ini menawarkan untuk membekal barang - barang / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Penender : _____

Alamat : _____

Tarikh : _____

DARUL HANAN PULAU PINANG

PENENTUAN, SYARAT-SYARAT DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI DARUL HANAN PULAU PINANG, LOT 2695, MUKIM 6, PONGSU SERIBU, 13200 KEPALA BATAS, PULAU PINANG

PERKHIDMATAN KAWALAN YANG DIPERLUKAN

1. AM

- 1.1 Perkhidmatan kawalan keselamatan meliputi tugas:-
 - 1.1.1 Menjaga dan mengawal segala bentuk keselamatan terhadap orang awam, bangunan, barang-barang luar dan dalam bangunan, lalulintas dan segala harta benda yang terdapat dalam bangunan dan luar.
 - 1.1.2 Menjalankan segala bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh Darul Hanan Pulau Pinang dari masa ke semasa.
- 1.2 Bidang khidmat kawalan keselamatan termasuk kawalan keselamatan 24 jam (tanpa senjata api) di bangunan tersebut serta kawasan sekitar.

2. SISTEM KAWALAN

- 2.1 Membuat rondaan di sekitar bangunan dan kawasan untuk mengelakkan pencerobohan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab dan memastikan setiap bahan/barang/peralatan yang terdapat di tapak berada di dalam keadaan baik.
- 2.2 Kawalan keluar masuk ke kawasan dan bangunan termasuk:-
 - 2.2.1 Memeriksa kakitangan serta orang awam yang disyaki dengan munasabah bahawa orang itu telah atau akan melakukan kesalahan jenayah atau mengganggu atau menyusahkan orang ramai, menyerahkannya dengan serta-merta kepada pihak yang berkuasa serta membuat laporan polis.

- 2.3 Memeriksa dan mempastikan semua lampu-lampu dalam bangunan di buka (switch on) dan ditutup (switch off) pada tempoh masa dan pada tempat-tempat tertentu sahaja.
- 2.4 Memastikan tiada pegawai dan orang awam yang tidak berkenaan berada di dalam kawasan bangunan, kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Darul Hanan Pulau Pinang.
- 2.5 Membuat rondaan di kawasan sekitar setiap 2 jam (menggunakan peralatan ‘clocking’) yang dipasang di setiap tingkat dan kawasan terlibat serta membuat catatan dalam buku log.
- 2.6 Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh wakil Darul Hanan Pulau Pinang dari semasa ke semasa.

3. STRUKTUR PERKHIDMATAN KAWALAN PERKHIDMATAN YANG DIPERLUKAN

Bilangan keanggotaan Pengawal bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang diperlukan adalah **satu orang bagi satu syif (setiap pengawal tidak boleh bertugas melebihi 12 jam bagi setiap syif)** seperti berikut.

	SYIF	
ISNIN hingga AHAD & Cuti AM	A	B
	7.30 pagi - 7.30 ptg	7.30 ptg – 7.30 pagi

4. TUGAS-TUGAS HARIAN

- 4.1 Pondok Pengawal/Kaunter Pengawal
 - 4.1.1 Pondok Pengawal/Kaunter Pengawal mesti dalam keadaan kemas, bersih dan teratur setiap masa.
 - 4.1.2 Buku laporan, Buku Pelawat dan kehadiran mesti ditulis dengan terang, kemas dan teratur setiap masa.
 - 4.1.3 Firma kawalan keselamatan perlu menyediakan meja dan kerusi untuk Pengawal Keselamatan.

5. BUKU LAPORAN

- 5.1 Buku laporan berikut adalah perlu dilengkapkan setiap hari oleh anggota pengawal yang bertugas.
- 5.2 Buku laporan perlu dicatat kehadiran bertugas, laporan harian, laporan keluar masuk kenderaan serta laporan aktiviti-aktiviti di dalam sekitar kawasan yang dikawal selia.

6. KEANGGOTAAN PENGAWAL DAN KELENGKAPAN

- 6.1 Anggota yang terlatih.
- 6.2 Umur antara 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 60 tahun.
- 6.3 Sihat tubuh badan serta penglihatan yang baik.
- 6.4 Warganegara Malaysia dan tidak mempunyai rekod jenayah, waras dan tidak ketagihan arak/dadah.
- 6.5 Beragama Islam.
- 6.6 Berpakaian seragam lengkap dengan tanda nama.
- 6.7 Dibekalkan dengan cotar, wisel, lampu picit, baju hujan dan lain-lain yang berkaitan.
- 6.8 Lain-lain kelengkapan yang difikirkan perlu mengikut kesesuaian tempat bekerja.

7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Anggota pengawal bertanggungjawab kepada Pengurus Darul Hanan Pulau Pinang atau mana-mana kakitangan yang menjalankan tugas bagi pihak Darul Hanan Pulau Pinang.
- 7.2 Pengawal Keselamatan Kerajaan Malaysia berhak menentukan pelaksanaan pengawasan perkhidmatan tersebut.

- 7.3 Menyelenggarakan buku catatan di atas peristiwa atau kejadian berkaitan dengan keselamatan serta mengemukakan kepada Pengurus Darul Hanan Pulau Pinang atau Penyelia atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya.
- 7.4 Menghubungi pihak yang berkenaan termasuk, Pengurus Darul Hanan Pulau Pinang, Polis, Bomba, Hospital pada masa-masa kecemasan serta membuat aduan secara bertulis.
- 7.5 Memberi bantuan mula terhadap keperluan kecemasan termasuk memadam kebakaran dan kecederaan serta lain-lain tindakan yang wajar dikenakan.
- 7.6 Syarikat bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kemuatan harta benda Kerajaan akibat kecuaian anggotanya.
- 7.7 Anggota pengawal perlu disiplin dan anggota pengawal hendaklah berpakaian seragam yang lengkap semasa bertugas.
- 7.8 Mengemukakan fotokopi laporan tugas harian semasa mengemukakan tuntutan bayaran khidmat bulanan.
- 7.9 Menutup dan membuat penghalang pada bahagian-bahagian atau kawasan pintu masuk di mana bahagian-bahagian atau kawasan ini mudah dicerobohi oleh individu-individu yang tidak berkaitan.
- 7.10 Menghalang orang-orang yang mencurigakan termasuk penagih dadah, perlaku maksiat, pemabuk, pelacur dari memasuki kawasan Darul Hanan Pulau Pinang.
- 7.11 Mengawal lalulintas dan perletakan kenderaan di kawasan Darul Hanan Pulau Pinang.
- 7.12 Mematuhi arahan tambahan yang dikeluarkan oleh Darul Hanan Pulau Pinang dari semasa ke semasa.
- 7.13 Semua pengawal keselamatan perlu lulus tapisan dan menghadiri kursus yang dianjurkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan diwajibkan memakai kad keselamatan yang dikeluarkan oleh KDN.

8. PERJANJIAN

- 8.1 Darul Hanan Pulau Pinang berhak menamatkan kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan bila-bila masa SEKIRANYA syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan tuan GAGAL memuaskan Darul Hanan Pulau Pinang terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa apa-apa tuntutan gantirugi.
- 8.2 Syarikat terikat dengan peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Pindaan 1986.
- 8.3 Perjanjian ini akan tamat secara serta merta sekiranya lesen untuk menjalankan urusan agensi persendirian tamat, tidak diperbaharui atau dibatalkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.
- 8.4 Syarikat hendaklah mengemukakan senarai anggota Pengawal kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk tapisan keselamatan.

9. DENDA

Sekiranya berlaku kekurangan bilangan kakitangan disebabkan oleh ketidakhadiran pengawal, cuti sakit atau cuti tahunan, Syarikat hendaklah mengambil tindakan serta-merta menyediakan pengganti sementara, untuk mencukupkan bilangan seperti yang dinyatakan di para 3. Pengawal gantian itu hendaklah melaporkan diri kepada Darul Hanan Pulau Pinang atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya tidak lewat daripada 1 jam daripada waktu dia mula bertugas bagi satu-satu syif. Kegagalan menyediakan pengganti akan menyebabkan potongan dibuat mengikut kadar bayaran kontrak untuk bilangan pengawal dan masa.

10. BAYARAN

Darul Hanan Pulau Pinang akan membuat bayaran secara bulanan kepada Syarikat setelah perkhidmatan kawalan keselamatan disempurnakan dengan memuaskan untuk bulan yang berkenaan. Salinan laporan tugas harian perlu disertakan bersama tuntutan khidmat bulanan.

LAMPIRAN 1

SYARAT-SYARAT WAJIB PENYERTAAN SEBUTHARGA/TENDER

1. Setiap penender/penyebutharga diwajibkan untuk mengemukakan Profil Syarikat dengan disertakan lampiran-lampiran seperti berikut:-
 - i. Sila sertakan salinan Lesen/Pendaftaran Syarikat.
 - ii. Salinan Memorandum And Articles & Articles,Borang 9, Borang 24, Borang 44 dan Borang 49 (sekiranya ada).
 - iii. Salinan Penyata Akaun Bank bagi 3 bulan yang terakhir.
 - iv. Salinan Lesen PKK dan CIDB.
 - v. Salinan kursus-kursus/sijil-sijil yang telah dihadiri dan diperolehi bagi kerja-kerja yang berkaitan.
 - vi. Mengemukakan Surat Akuan yang menyatakan tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebarang sogongan untuk mendapatkan kontrak/kelulusan kerja.
2. Sekiranya kontraktor ditawarkan menjalankan kerja, kontraktor berkenaan perlulah :-
 - Pihak kontraktor dikehendaki bertanggungjawab ke atas tapak bina dan keselamatan pekerja-pekerja di tapak.
 - Segala kerosakan barang di tapak dan kehilangan bahan-bahan binaan ditapak adalah tanggungjawab pihak kontraktor.
 - Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk meguruskan serta mengatasi masalah-masalah dan halangan lain ditapak (sekiranya ada).
 - Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor adalah dibawah penyeliaan kakitangan oleh pihak Darul Hanan Pulau Pinang atau pihak-pihak lain yang di tauliahkan.
 - Bahan-bahan binaan yang hendak digunakan hendaklah mendapatkan persetujuan dan kelulusan dari pihak Darul Hanan Pulau Pinang terlebih dahulu sebelum kerja-kerja dijalankan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja dijalankan.
3. Sekiranya pihak syarikat yang telah ditawarkan menarik diri tanpa alasan yang munasabah, pihak Darul Hanan Pulau Pinang boleh mengikut budibicaranya menyenarai hitam (Black List) syarikat berkenaan pada sebutharga-sebutharga yang akan datang.

NOTA: **Sekiranya pihak kontraktor/pembekal gagal mengemukakan butiran-butiran syarikat seperti dikehendaki di atas maka Darul Hanan Pulau Pinang mengikut budibicara boleh mengambil tindakan-tindakan untuk menolak secara terus tanpa memberi pertimbangan ke atas harga tawaran yang dikemukakan.**

**SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi
No. Sebut Harga : DHPP / 01/2024**

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI DARUL HANAN
PULAU PINANG, LOT 2695, MUKIM 6, PONGSU SERIBU, 13200 KEPALA
BATAS, PULAU PINANG

Saya, Nombor K.P yang memiliki nombor pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Darul Hanan Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Darul Hanan Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/ sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Darul Hanan Pulau Pinang berhak mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
Nama:

No. K.P:

Cop Syarikat :

Catitan: * Potong mana yang tidak berkenaan

**PENGALAMAN PENENDER-PENENDER BAGI KERJA-KERJA YANG PERNAH/SEDANG DIKENDALIKAN BAGI
TEMPOH
1 TAHUN TERKINI**

Bil.	Butiran Keterangan Kerja	Lantikan Oleh	Tarikh Mula Kerja	Tarikh Siap Kerja	Nilai Kerja (RM)	Catitan
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						

* Sekiranya ruang tidak mencukupi, lampirkan pada helaian baru

